

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

SOALAN NO. 299

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapakah jumlah tadika KEMAS yang berdaftar di bawah kawasan Mas Gading dan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan kepada setiap Pejabat KEMAS Daerah bagi memastikan setiap Tadika Kemas di bawah pentadbiran tersebut dapat berjalan seperti yang sepatutnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 15 Jun 2019, jumlah TABIKA KEMAS yang berdaftar di bawah kawasan Mas Gading ialah sebanyak 43 buah.
2. Setiap tahun, Kementerian melalui KEMAS akan menyalurkan peruntukan ke setiap Pejabat KEMAS Daerah melalui KEMAS Negeri yang merangkumi perkara-perkara berikut :

NO. SOALAN : 299

Pertama : Pemberian Geran Per Kapita.

Melalui pemberian ini, kanak-kanak yang belajar di TABIKA dan TASKA KEMAS akan diperuntukkan sebanyak RM100 seorang bagi tujuan pemberian buku aktiviti kanak-kanak, lawatan pendidikan serta bahan pembelajaran. Tambahan RM50.00 akan diberikan kepada kanak-kanak miskin/termiskin untuk pemberian pakaian seragam dan sukan (TABIKA) dan peralatan mandi, tuala dan selimut (TASKA) untuk meringankan beban keluarga yang kurang berkemampuan membolehkan mereka mengikuti persekolahan dengan tenang dan selesa.

Kedua : Program Bantuan Makanan Tambahan

Setiap seorang kanak-kanak yang belajar di TABIKA dan TASKA KEMAS akan menerima bantuan makanan tambahan dengan kadar RM2.40 sehari di Semenanjung dan RM2.65 sehari di Sabah/Sarawak untuk TABIKA dan sebanyak RM3.00 sehari untuk TASKA yang dikira mengikut bilangan hari persekolahan. Melalui program ini, kanak-kanak akan menikmati makanan yang berkhasiat, seimbang memenuhi nilai nutrien yang diperlukan oleh kanak-kanak mengikut menu dan resepi yang telah disediakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ketiga : Aktiviti Kurikulum

Setiap tahun, setiap seorang kanak-kanak yang belajar di TABIKA akan diperuntukkan sebanyak RM35.00 bagi pelaksanaan aktiviti kurikulum di peringkat kelas.

3. Selain itu, setiap Pejabat KEMAS Daerah akan menerima peruntukan mengurus bagi tujuan pembayaran bil-bil utiliti dan penyelenggaraan bangunan. Walaubagaimanapun, jumlah penyaluran peruntukan adalah berdasarkan keperluan dan bilangan kanak-kanak dan kelas di setiap daerah.